

Pastikan pemastautin berkualiti

Kuala Lumpur: Hasrat kerajaan menambah baik syarat penyertaan Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) adalah untuk memastikan setiap peserta program yang bermastautin di negara ini berkualiti dan dapat menyumbang kepada ekonomi negara.

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, Kementerian Dalam Negeri sentiasa cakna dan prihatin dengan keberadaan warga asing di Malaysia termasuk peserta MM2H.

"Pemegang MM2H sedia ada boleh dipertimbangkan kelonggaran daripada memenuhi dasar semasa seperti keperluan seperti pemilikan akaun simpanan tetap sekurang-kurangnya RM1 juta dan pengeluaran maksimum sebanyak 50 peratus dibenarkan ke atas nilai prinsipal bagi tujuan pembelian harta tanah, kesihatan dan pendidikan anak.

"Selain itu, pengisytiharan



HAMZAH

aset cair sekurang-kurangnya RM1.5 juta, pendapatan luar negara RM40,000 sebulan dan lain-lain keperluan syarat yang ditetapkan.

"Bagi semua peserta baharu, mereka perlu memenuhi dasar baharu MM2H ini bagi memastikan peserta MM2H yang berada di Malaysia adalah benar-benar sah, berkualiti tinggi dan dapat memberi sumbangan yang positif kepada pertumbuhan ekonomi

negara," katanya.

Hamzah memberi reaksi itu bagi menjawab soalan **Wong Hon Wai (PH-Bukit Bendera)** mengenai langkah kerajaan menyemak semula program MM2H berikutan rungutan komuniti MM2H dan industri ekonomi berkaitan syarat baru yang ketat di Dewan Rakyat, semalam.

Hamzah berkata, perbezaan polisi Program MM2H dan peraturan Imigresen antara Semenanjung Malaysia dan Sarawak serta Sabah disebabkan peruntukan mengikut Seksyen 64 dan 65 Akta Imigresen 1959/63 untuk menguruskan hal ehwal imigresen berkaitan kemaskuan warga asing dan tempoh keberadaan warga asing di Sabah dan Sarawak.

"Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak boleh menyesuaikan syarat penyertaan Program MM2H bagi tujuan pengeluaran Pas Lawatan Sosial (MM2H) selaras keperluan negeri," katanya.